

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

SOALAN NO. 447

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyusun semula kedudukan kamera-kamera AWAS selepas melihat keberkesanan peralatan tersebut terhadap kes-kes kemalangan yang telah berlaku.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Analisis pihak MIROS menggunakan data kemalangan dari PDRM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia menunjukkan terdapat pengurangan 25% kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju AES di lebuhraya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Selain dari itu kajian pihak MIROS juga menunjukkan impak pelaksanaan AES di enam lokasi rintis telah menunjukkan secara puratanya kadar kepatuhan yang tinggi bagi had laju iaitu 95% berbanding sebelumnya 63%. Bagi empat lokasi rintis lampu isyarat yang di pasang kamera AWaS pula, kadar pematuhan lampu isyarat juga telah meningkat dari 96% kepada 98%. Dengan peningkatan ketara dalam pematuhan had laju dan lampu isyarat menunjukkan AES mampu melahirkan pemandu yang berhemah yang patuh kepada peraturan lalu lintas. Kerajaan akan melihat keperluan menambah jumlah AES berdasarkan analisis terperinci kawasan kerap kemalangan atau blackspot. Selain itu, Kerajaan telah menetapkan kriteria dalam mengenal pasti lokasi penambahan kamera AwAS yang baharu iaitu melibatkan kawasan yang had laju 110km/j di lebuhraya dan 90km/j di jalan persekutuan selain di lokasi persimpangan lampu isyarat.
2. Dalam usaha meningkatkan keselamatan jalan raya dan juga mengurangkan kadar kemalangan, Kerajaan sememangnya berhasrat untuk menambah lokasi kamera AwAS di lokasi-lokasi kawasan kerap kemalangan. Kerajaan sedang dalam peringkat kajian dan penentuan semula lokasi bagi membuat penambahbaikan dengan mengemas kini kawasan kerap kemalangan berasaskan data-data terkini. Walau bagaimanapun, penambahan kamera ini akan dilaksanakan dan kos pemasangan dan operasi kamera akan ditentukan semasa pemasangan.

Sekian, terima kasih.